

293

NO. SOALAN: 177

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB. DATUK JUSLIE BIN AJIROL
[LIBARAN]**

SOALAN :

YB. Datuk Juslie Bin Ajirol [Libaran] minta **MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN** menyatakan bentuk kerjasama yang boleh diwujudkan di antara Kementerian dan Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH) bersama pengusaha pelancongan tempatan bagi meningkatkan keselamatan dalam sektor pelancongan khususnya di Sabah.

248

JAWAPAN : DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ
MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi meningkatkan keselamatan dalam sektor pelancongan, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan telah mengadakan mesyuarat dengan Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH) dan agensi-agensi berkaitan pada 24 Ogos 2016 bagi membincangkan soal keselamatan pelancong khususnya di negeri Sabah, terutamanya yang melibatkan insiden bot pelancong terdampar di perairan Pulau Mantanani setiap tahun akibat kedegilan pengusaha membawa pelancong ketika keadaan lautan bergelora.

Hasil perbincangan tersebut, Kementerian telah membangunkan satu Prosedur Operasi Standard (SOP) Pengurusan Keselamatan Pulau Mantanani yang dikuatkuasakan di bawah Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (DOSH). Di bawah SOP ini, tahap keselamatan pelancong berjaya ditingkatkan dengan mewajibkan pengusaha untuk mematuhi arahan pihak Jabatan Pelabuhan dan Dermaga Sabah agar tidak membawa pelancong ke Pulau Mantanani sekiranya terdapat amaran ribut bergelora.

Pada masa yang sama, Kementerian ini juga terlibat dalam pembangunan standard bersama SIRIM Malaysia berkaitan keselamatan semasa pengendalian aktiviti berkaitan pelancongan seperti:

- i. *ISO/DIS 21416: Recreational Diving Services - Requirements and guidance on sustainable practices in recreational diving.*

212

Standard ini telah diadaptasi sebagai panduan kepada penggiat industri dalam sektor skuba; dan

- ii. lain-lain standard berkaitan di bawah *Industrial Standard Committee: Tourism, Exhibition and Hospitality Services (ISC T)* yang merangkumi lima (5) Kumpulan Kerja iaitu *Recreational Scuba Diving, Wellness Spa, Adventure Tourism, Voluntourism* dan *Sustainable Tourist Accommodation*.

Sekian, terima kasih.